

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**
KAWASAN : **INDERA MAHKOTA**
NO. SOALAN : **133**

DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah status projek Malaysia China Kuantan Industrial Park (MCKIP) di Gebeng dan bilakah projek ini dijangka siap.

Tuan Yang Di Pertua,

1. Projek Taman Perindustrian Kuantan Malaysia - China (MCKIP – *Malaysia-China Kuantan Industrial Park*) dan Taman Perindustrian Qinzhou China-Malaysia (CMQIP) sedang berjalan dengan lancar.
2. Pada 28 Mac 2016, Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Kerjasama Bersama (*The 3rd Joint Cooperation Committee - JCC*) mengenai MCKIP dan CMQIP telah diadakan di

Qinzhou, China untuk membincangkan perkembangan terkini kedua-dua taman perindustrian tersebut. Mesyuarat Keempat JCC (4th JCC) pula telah dijadualkan pada bulan Jun tahun ini di Kuala Lumpur. Mesyuarat JCC merupakan platform untuk membincangkan isu-isu dan perkembangan terkini berhubung MCKIP dan CMQIP.

3. Pada masa ini, pembangunan keseluruhan keluasan MCKIP ialah 3,000 ekar dan terbahagi kepada tiga fasa iaitu:
 - Fasa 1 seluas 1,200 ekar;
 - Fasa 2 seluas 1,000 ekar; dan
 - Fasa 3 seluas 800 ekar
4. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM700 juta secara 'one off' dalam bentuk insentif dan sokongan infrastruktur kepada pembangunan MCKIP.
5. Projek pembangunan infrastruktur MCKIP telah bermula pada Julai 2013 secara berperingkat (*phase by phase*). Fasa terakhir dijangka siap pada penghujung 2019. Status pembangunan infrastruktur MCKIP adalah seperti berikut:

Komponen	Status Pelaksanaan
<p><u>Jalanraya</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • KPC Portlink: <ul style="list-style-type: none"> - Pakej 1 : <i>Elevated Diamond Interchange & Upgrading of Sungai Ular Interchange</i> - Pakej 2 : <i>MCKIP's main roads</i> - Pakej 3a : <i>Elevated Interchange at Gebeng Bypass</i> - Pakej 3b : <i>MCKIP Phase 2 Internal Service Road and River Diversion (fasa terakhir)</i> - Pakej 4 : <i>Extension of MCKIP's main access road to Northern Link Road</i> 	<p>Siap</p> <p>Siap</p> <p>Dalam Pelaksanaan (Dijangka siap pada Q2 2017)</p> <p>Dalam Pelaksanaan (Dijangka siap pada Q2 2019)</p> <p>Dalam Pelaksanaan (Dijangka siap pada Q1 2018)</p>
<p><u>Fasiliti Pembekalan Air</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 2 buah Tangki Penyimpanan Air • Saluran Paip Air (dari Loji Rawatan Air Semambu) 	<p>Siap</p> <p>Siap</p>

6. Sejar dengan status Pelabuhan Kuantan sebagai pintu masuk utama melalui laut ke MCKIP, Pelabuhan Kuantan juga sedang giat diperluaskan sebagai pelabuhan laut dalam yang berupaya mengendali 52 juta tan kargo dan menerima masuk kapal sehingga 200,000 tan berat muatan (DWT).

7. Alliance Steel Sdn. Bhd. merupakan kilang besi dan keluli yang terbesar diluluskan di negara ini dengan jumlah pelaburan sebanyak RM5.6 bilion. Projek ini merupakan projek pengilangan pertama di MCKIP, dengan keluasan kilang 710 ekar, dan dijangka mula beroperasi pada penghujung 2017 dan akan mewujudkan sebanyak 3,600 peluang pekerjaan.

8. Terdapat beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) untuk MCKIP telah dimeterai dengan beberapa buah syarikat China seperti berikut:

Bil.	Nama Syarikat	Produk/Aktiviti
1.	Guangxi Zhongli Enterprise Group Co., Ltd.	<i>Clay Porcelain</i>
2.	Zkenergy (Yiyang) New Resources Science & Technology	<i>Renewable Energy Application System Manufacturing & Engineering Base</i>
3.	Guangxi Investment Group Co Ltd.	<i>Aluminium Profile Extrusion</i>
4.	LJ Hightech Material Sdn. Bhd.	<i>Rubber-Enhanced Bitumen Production & Pre-fabricated Panel for Construction Industries</i>
5.	Wuxi Suntech Power Co. Ltd	<i>Crystalline Silicon Solar Cells & Modules</i>

9. Pelaburan yang dikomited oleh 5 buah syarikat tersebut melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dijangka akan menjana jumlah pelaburan sebanyak RM7.8 bilion dan projek-projek tersebut masih dalam peringkat perancangan.

SOALAN (134)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN
BIN ABD HAMID (B)
[LUMUT]**

SOALAN :-

YB. Laksamana Pertama Mohamad Imran Bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dengan mengesahkan bahawa Elaun Risiko Anggota Pasukan Bomba dan Penyelamat akan dikuatkuasakan pada tahun 2017.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengemukakan permohonan elaun risiko iaitu elaun khas skim perkhidmatan bomba kepada agensi pusat pada tahun 2015. Sehingga kini perkara ini masih dalam pertimbangan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Elaun khas ini adalah untuk seluruh pegawai bomba dari pelbagai pangkat sebagaimana elaun khas yang telah diluluskan kepada agensi-agensi penguat kuasa dan keselamatan yang lain sesuai dengan risiko tugas yang dihadapi.

Walau bagaimanapun, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa memastikan kebajikan setiap pegawai bomba terjamin selaras dengan risiko tugas dan tanggungjawab mereka. Di antaranya, setiap pegawai bomba adalah layak menerima pampasan di bawah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan seperti mana termaktub dalam 1PP WP6.3 dan juga kerajaan telah meluluskan

Skim Insurans Takaful Berkelompok khusus untuk pegawai bomba bermula pada tahun 2014 bagi menjaga kebajikan pegawai bomba serta waris dan keluarga mereka jika berlaku kematian, ketiadaan atau kecacatan kekal semasa bertugas. Dari aspek keselamatan semasa bertugas, pegawai bomba diarahkan untuk mematuhi Dasar Kesihatan dan Keselamatan Pekerja 2012 berpandukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994, Akta 514 bagi mewujudkan budaya kerja yang kondusif dan selamat.

Dalam melaksanakan operasi kebombaan pula, setiap pegawai bomba dibekalkan peralatan dan pakaian perlindungan (PPE) seperti helmet, jaket api, glove, hood dan kasut api bagi memastikan keselamatan semasa bertugas. Di samping itu juga, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui Bahagian Latihan dan Akademi Bomba telah melaksanakan pelbagai kursus dan latihan pengukuhan kepada pegawai-pegawai bomba di seluruh negara bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran individu bagi menghadapi kebakaran dan kecemasan dengan lebih efektif dan selamat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
April 2017